



30 Mei 2025
30 May 2025
P.U. (A) 169

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG
ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(PENDAFTARAN DAN PENGAWALSELIAAN
SEKOLAH AGAMA ISLAM) 2025

*ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW
(FEDERAL TERRITORIES) (REGISTRATION AND
REGULATION OF ISLAMIC RELIGIOUS SCHOOL)
RULES 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

KAEDAH-KAEDAH PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PENDAFTARAN DAN
PENGAWALSELIAAN SEKOLAH AGAMA ISLAM) 2025

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Kaedah

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
JAWATANKUASA SEKOLAH AGAMA ISLAM

3. Penubuhan Jawatankuasa
4. Fungsi Jawatankuasa
5. Keanggotaan Jawatankuasa
6. Setiausaha
7. Pembatalan dan peletakan jawatan
8. Pengosongan jawatan
9. Mesyuarat Jawatankuasa
10. Elaun

BAHAGIAN III
KETUA PENDAFTAR, PENDAFTAR, PENOLONG PENDAFTAR DAN NAZIR SEKOLAH

11. Pelantikan Ketua Pendaftar, Pendaftar dan Penolong Pendaftar
12. Tanggungjawab Pendaftar
13. Daftar Sekolah Agama Islam

Kaedah

14. Pelantikan Nazir Sekolah
15. Tanggungjawab Nazir Sekolah
16. Kuasa untuk memeriksa
17. Pemeriksaan sekolah agama Islam yang berdaftar
18. Pemeriksaan sekolah agama Islam yang tidak berdaftar

BAHAGIAN IV

PENUBUHAN JEMAAH PENGURUSAN

19. Jemaah Pengurusan
20. Keanggotaan Jemaah Pengurusan
21. Kelayakan anggota Jemaah Pengurusan
22. Tanggungjawab Jemaah Pengurusan

BAHAGIAN V

PENDAFTARAN SEKOLAH AGAMA ISLAM

23. Pendaftaran sekolah agama Islam
24. Permohonan bagi pendaftaran
25. Dokumen atau maklumat tambahan
26. Tempoh kesahan perakuan pendaftaran
27. Pembaharuan perakuan pendaftaran
28. Pempameran perakuan pendaftaran
29. Penggantian perakuan pendaftaran
30. Pendaftaran berasingan bagi setiap peringkat sekolah
31. Cawangan sekolah agama Islam
32. Penukaran nama, dsb.
33. Pengiklanan sekolah agama Islam
34. Pembatalan pendaftaran
35. Rayuan

BAHAGIAN VI
KEWANGAN

Kaedah

36. Akaun kewangan sekolah agama Islam
37. Garis panduan kewangan
38. Audit

BAHAGIAN VII
PENGUATKUASAAN

39. Notis pemberhentian operasi

BAHAGIAN VIII
PELBAGAI

40. Laporan
41. Kurikulum dan kokurikulum sekolah agama Islam
42. Penilaian
43. Kuasa Majlis untuk mengeluarkan arahan
44. Pengambilalihan pentadbiran sekolah agama Islam

BAHAGIAN IX
PERALIHAN

45. Peralihan

JADUAL

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

KAEDAH-KAEDAH PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PENDAFTARAN DAN PENGAWALSELIAAN
SEKOLAH AGAMA ISLAM) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 99 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [*Akta 505*], Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pendaftaran dan Pengawalseliaan Sekolah Agama Islam) 2025**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

(3) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2025.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Jemaah Pengurusan” ertinya Jemaah Pengurusan Sekolah Agama Islam yang ditubuhkan di bawah subkaedah 19(2);

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Sekolah Agama Islam yang ditubuhkan di bawah kaedah 3;

“Nazir Sekolah” ertinya nazir sekolah agama Islam yang dilantik di bawah subkaedah 14(1);

“Pendaftar” ertinya Ketua Pendaftar sekolah agama Islam dan termasuklah Pendaftar dan Penolong Pendaftar sekolah agama Islam yang dilantik di bawah kaedah 11;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Jawatankuasa Sekolah Agama Islam yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(a);

“prasekolah agama Islam” ertinya sekolah agama Islam yang menyediakan program pendidikan prasekolah agama Islam bagi murid yang berumur dari empat hingga enam tahun;

“perakuan pendaftaran” ertinya perakuan pendaftaran sekolah agama Islam yang dikeluarkan di bawah perenggan 24(5)(a);

“sekolah agama Islam” ertinya mana-mana tempat yang digunakan bagi menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran agama Islam yang mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh orang murid pada peringkat prasekolah, sekolah rendah atau sekolah menengah agama Islam yang ditubuhkan oleh mana-mana orang, Majlis atau Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan yang termasuklah institusi pondok, tahfiz al-Quran, pengajian agama atau pengajian hadis tetapi tidak termasuk mana-mana institusi pendidikan yang disebut dalam perenggan 16(a) dan (b) Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*];

“sekolah menengah agama Islam” ertinya sekolah agama Islam yang menyediakan program pendidikan menengah agama Islam yang bersesuaian bagi murid yang sudah tamat pendidikan rendah agama Islam atau pendidikan rendah di bawah Akta Pendidikan 1996;

“sekolah rendah agama Islam” ertinya sekolah agama Islam yang menyediakan program pendidikan rendah agama Islam bagi murid yang berumur dari enam tahun;

“surat cara pengurusan” ertinya surat cara pengurusan sekolah agama Islam yang dinyatakan di bawah subkaedah 19(1).

BAHAGIAN II JAWATANKUASA SEKOLAH AGAMA ISLAM

Penubuhan Jawatankuasa

3. Majlis hendaklah menubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai “Jawatankuasa Sekolah Agama Islam”.

Fungsi Jawatankuasa

4. (1) Fungsi Jawatankuasa adalah seperti yang berikut:

- (a) untuk menimbang, meluluskan atau menolak suatu permohonan bagi pendaftaran sekolah agama Islam;
- (b) untuk merangka, membangunkan, menilai dan meminda kurikulum dan kokurikulum sekolah agama Islam selaras dengan ketetapan Majlis;
- (c) untuk melaporkan hal ehwal sekolah agama Islam kepada Majlis sekurang-kurangnya sekali dalam masa enam bulan;
- (d) untuk melaporkan apa-apa tindakan yang diambil terhadap sekolah agama Islam kepada Majlis mengenai pendaftaran dan pembatalan pendaftaran bagi sekolah agama Islam;
- (e) untuk menambah, meminda atau membatalkan mana-mana syarat yang dikenakan dalam perakuan pendaftaran;

- (f) untuk membatalkan pendaftaran mana-mana sekolah agama Islam mengikut kaedah 34 atau atas permohonan Jemaah Pengurusan; dan
- (g) untuk melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat untuk atau yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(b), Jawatankuasa boleh mendapatkan nasihat daripada Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Islam Kebangsaan yang ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan sekolah agama Islam termasuk kurikulum dan kokurikulum, buku teks, peperiksaan, pensijilan dan latihan guru.

Keanggotaan Jawatankuasa

5. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada—
- (a) seorang Pengerusi yang dilantik oleh Majlis dalam kalangan anggotanya;
 - (b) Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan sebagai Timbalan Pengerusi;
 - (c) Mufti atau wakilnya;
 - (d) seorang pegawai Majlis yang dinamakan oleh Majlis;
 - (e) seorang pegawai Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan yang dinamakan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan;
 - (f) seorang pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang dinamakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia;

- (g) seorang pegawai Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan; dan
- (h) tiga orang anggota lain yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang berkaitan dalam orang yang beragama Islam yang hendaklah dilantik oleh Majlis.

(2) Anggota yang dilantik di bawah perenggan (1)(a) dan (h) hendaklah dilantik selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.

Setiausaha

6. (1) Majlis boleh melantik seorang pegawai hal ehwal Islam yang kanan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan sebagai Setiausaha kepada Jawatankuasa.

(2) Setiausaha hendaklah bertanggungjawab bagi menjalankan dasar, arahan dan keputusan Jawatankuasa.

(3) Setiausaha berhak menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa dan mengambil bahagian dalam pertimbangtelitiannya tetapi tidak layak untuk mengundi.

Pembatalan dan peletakan jawatan

7. (1) Majlis boleh, secara bertulis, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(a) dan (h).

(2) Anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(a) dan (h) boleh meletakkan jawatan melalui suatu notis bertulis kepada Pengerusi Majlis.

Pengosongan jawatan

8. (1) Seseorang anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(a) dan (h) hendaklah disifatkan telah mengosongkan jawatannya jika—

(a) dia meninggal dunia;

(b) dia telah disabitkan atas suatu kesalahan jenayah;

- (c) dia menjadi bankrap yang belum dilepaskan; atau
- (d) dia menjadi tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya.

(2) Jika seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(a) dan (h) terhenti menjadi anggota Jawatankuasa oleh sebab mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini, Majlis boleh melantik seorang yang lain untuk mengisi kekosongan itu bagi tempoh berbaki bagi anggota yang mengosongkan jawatan itu.

Mesyuarat Jawatankuasa

9. (1) Semua mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dipanggil oleh Setiausaha atas arahan Pengerusi melalui notis bertulis kepada anggota Jawatankuasa yang disampaikan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), Pengerusi boleh, jika dia menganggap bahawa terdapat keperluan mendesak, memanggil mesyuarat dengan notis yang lebih singkat.

(3) Pengerusi, atau pada masa ketiadaannya, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa.

(4) Jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali bagi tiap-tiap enam bulan.

(5) Pengerusi mesyuarat dan empat anggota Jawatankuasa lain yang hadir hendaklah membentuk kuorum dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

(6) Semua keputusan mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dibuat secara persetujuan atau melalui ketetapan majoriti anggota yang hadir dan berhak mengundi dan jika terdapat persamaan undi, Pengerusi atau Timbalan Pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi pemutus.

(7) Walau apa pun subkaedah (4), Pengerusi boleh, mengarahkan Setiausaha memanggil mesyuarat.

(8) Pengerusi boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota Jawatankuasa untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Jawatankuasa bagi menasihati Jawatankuasa mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak mengundi dalam mesyuarat itu.

Elaun

10. Anggota Jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Majlis.

BAHAGIAN III

KETUA PENDAFTAR, PENDAFTAR, PENOLONG PENDAFTAR DAN NAZIR SEKOLAH

Pelantikan Ketua Pendaftar, Pendaftar dan Penolong Pendaftar

11. (1) Setiausaha yang dilantik di bawah subkaedah 6(1) hendaklah menjadi Ketua Pendaftar.

(2) Majlis boleh melantik apa-apa bilangan Pendaftar dan Penolong Pendaftar dalam kalangan orang yang berkhidmat dalam perkhidmatan Hal Ehwal Islam atau perkhidmatan pendidikan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Tertakluk kepada arahan dan kawalan Ketua Pendaftar dan apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Ketua Pendaftar, seseorang Pendaftar atau Penolong Pendaftar boleh menjalankan apa-apa kuasa Ketua Pendaftar di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Tanggungjawab Pendaftar

12. (1) Pendaftar hendaklah bertanggungjawab untuk perkara seperti yang berikut:

- (a) untuk mendaftarkan suatu sekolah agama Islam jika permohonan bagi pendaftarannya telah diluluskan di bawah kaedah 24;
- (b) untuk memastikan bahawa semua sekolah agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan ditadbir dengan sepatutnya;
- (c) untuk mengawal selia dan memantau Jemaah Pengurusan;
- (d) untuk mengesyorkan apa-apa tindakan yang sesuai diambil terhadap sekolah agama Islam yang melanggar Kaedah-Kaedah ini kepada Jawatankuasa;
- (e) untuk mengemukakan laporan bertulis mengenai hal ehwal sekolah agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan kepada Jawatankuasa sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap enam bulan;
- (f) untuk menasihati atau mengesyorkan apa-apa tindakan yang boleh diambil oleh sekolah agama Islam berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh Nazir Sekolah; dan
- (g) untuk melaksanakan apa-apa kewajipan yang diarahkan oleh Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

(2) Pendaftar hendaklah bertindak di bawah arahan dan kawalan Jawatankuasa.

Daftar Sekolah Agama Islam

13. (1) Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu Daftar Sekolah Agama Islam.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), Daftar Sekolah Agama Islam hendaklah mengandungi—

- (a) nama, nombor telefon, jenis sekolah, tarikh pendaftaran dan alamat sekolah agama Islam;
- (b) butir-butir anggota Jemaah Pengurusan sekolah agama Islam;
- (c) butir-butir guru sekolah agama Islam;
- (d) kurikulum sekolah agama Islam, jika perlu;
- (e) tempoh kesahan perakuan pendaftaran sekolah agama Islam;
- (f) sumber kewangan sekolah agama Islam; dan
- (g) apa-apa maklumat lain yang difikirkan perlu oleh Pendaftar untuk direkodkan.

Pelantikan Nazir Sekolah

14. (1) Majlis boleh, atas syor Jawatankuasa, melantik apa-apa bilangan Nazir Sekolah yang perlu dalam kalangan orang yang berkhidmat dalam—

- (a) perkhidmatan Hal Ehwal Islam; dan
- (b) perkhidmatan pendidikan,

di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

(2) Seseorang Nazir Sekolah yang dilantik di bawah subkaedah (1) hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Pendaftar.

Tanggungjawab Nazir Sekolah

15. Nazir Sekolah hendaklah bertanggungjawab seperti yang berikut:

- (a) untuk memeriksa sekolah agama Islam berhubung dengan penggunaan kurikulum yang diluluskan oleh Majlis, kualiti pengajaran dan pembelajaran, penggunaan buku-buku teks, guru-guru dan pematuhan Kaedah-Kaedah ini atau apa-apa perkara yang diarahkan oleh Pendaftar;
- (b) untuk memeriksa akaun kewangan sekolah agama Islam; dan
- (c) untuk mengemukakan laporan pemeriksaan sekolah agama Islam termasuk untuk mengesyorkan apa-apa tindakan yang sesuai untuk diambil terhadap sekolah itu kepada Pendaftar dalam masa dua puluh satu hari bekerja selepas pemeriksaan itu.

Kuasa untuk memeriksa

16. Pendaftar, Nazir Sekolah atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis boleh memeriksa mana-mana sekolah agama Islam sama ada yang berdaftar atau tidak berdaftar di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Pemeriksaan sekolah agama Islam yang berdaftar

17. (1) Pendaftar, Nazir Sekolah atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis semasa menjalankan suatu pemeriksaan di bawah perenggan 15(a) dan kaedah 16, boleh memasuki mana-mana bahagian premis dan memeriksa apa-apa buku, dokumen, bahan media elektronik atau barang lain yang difikirkan perlu olehnya.

(2) Pendaftar, Nazir Sekolah atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis, dalam menjalankan pemeriksaan di bawah subkaedah (1), boleh diiringi oleh mana-mana orang lain yang difikirkan perlu olehnya.

(3) Mana-mana orang yang ada dalam milikan atau kawalannya apa-apa buku, dokumen, bahan media elektronik atau barang lain yang berhubungan dengan pengurusan atau pengajaran yang dijalankan di sekolah agama Islam hendaklah mengemukakan buku, dokumen, bahan media elektronik atau barang lain itu bagi pemeriksaan apabila diminta oleh Pendaftar, Nazir Sekolah atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis.

(4) Walau apa pun subkaedah (3), Pendaftar boleh menyita, memindahkan atau menahan apa-apa buku, dokumen, bahan media elektronik atau barang lain yang pada pendapatnya memudaratkan kepentingan awam atau murid atau yang boleh menjadi keterangan pelakuan suatu kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah ini atau Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [*Akta 559*].

Pemeriksaan sekolah agama Islam yang tidak berdaftar

18. (1) Jika Pendaftar atau Pegawai Penguat Kuasa Agama mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana premis sedang digunakan sebagai sekolah agama Islam tanpa didaftarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini, Pendaftar atau Pegawai Penguat Kuasa Agama itu boleh memasuki dan memeriksa premis itu.

(2) Pendaftar atau Pegawai Penguat Kuasa Agama, dalam menjalankan pemeriksaan di bawah subkaedah (1), boleh disertai oleh mana-mana orang lain yang difikirkan perlu olehnya.

(3) Pendaftar atau Pegawai Penguat Kuasa Agama boleh menyita dan menahan apa-apa buku, dokumen, bahan media elektronik atau barang lain yang terdapat di dalam premis itu yang didapatinya boleh menjadi keterangan pelakuan suatu kesalahan terhadap Kaedah-Kaedah ini atau yang didapatinya adalah harta, atau telah digunakan berkaitan dengan, sesuatu sekolah agama Islam yang tidak didaftarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

BAHAGIAN IV

PENUBUHAN JEMAAH PENGURUSAN

Jemaah Pengurusan

19. (1) Tiap-tiap sekolah agama Islam hendaklah mempunyai surat cara pengurusan sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa.

(2) Tiap-tiap surat cara pengurusan hendaklah mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu Jemaah Pengurusan sekolah agama Islam yang hendaklah bertanggungjawab bagi pengurusan sekolah agama Islam itu.

(3) Jawatankuasa boleh, atas permohonan secara bertulis oleh Jemaah Pengurusan, meminda surat cara pengurusan.

(4) Kaedah ini tidak terpakai bagi sekolah agama Islam yang ditubuhkan oleh Majlis atau Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Keanggotaan Jemaah Pengurusan

20. Tiap-tiap Jemaah Pengurusan hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya lima orang dan tidak lebih daripada sebelas orang yang hendaklah memegang apa-apa jawatan sebagaimana yang perlu bagi sekolah agama Islam itu.

Kelayakan anggota Jemaah Pengurusan

21. (1) Seseorang itu layak menjadi anggota Jemaah Pengurusan jika dia—

- (a) seorang Islam;
- (b) warganegara Malaysia;
- (c) berumur tidak kurang daripada dua puluh satu tahun;
- (d) bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (e) tidak pernah disabitkan dan dihukum dengan apa-apa kesalahan jenayah oleh mana-mana mahkamah; dan
- (f) mempunyai pengetahuan yang sesuai dalam akademik atau pengajian Islam.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(b), Jawatankuasa boleh membenarkan seorang bukan warganegara Malaysia untuk dilantik sebagai anggota Jemaah Pengurusan jika ia berpuas hati bahawa terdapat hal keadaan khas dan ia tidak berlawanan dengan kepentingan awam atau mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Jemaah Pengurusan

22. (1) Jemaah Pengurusan hendaklah bertanggungjawab bagi pengurusan, pentadbiran dan kewangan sekolah agama Islam.

(2) Jemaah Pengurusan hendaklah—

(a) mentadbir dan menyenggara sekolah agama Islam mengikut surat cara pengurusannya;

(b) mematuhi apa-apa arahan Pendaftar; dan

(c) menyenggara rekod yang sepatutnya mengenai—

(i) butir-butir guru dan kakitangan sekolah agama Islam;

(ii) butir-butir murid sekolah agama Islam;

(iii) sumber kewangan dan perbelanjaan sekolah agama Islam;

(iv) kurikulum dan kokurikulum sekolah agama Islam;

(v) yuran pengajian sekolah agama Islam; dan

(vi) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(3) Jemaah Pengurusan boleh melantik apa-apa bilangan guru dan kakitangan yang perlu bagi maksud kaedah ini.

(4) Walau apa pun subkaedah (3), pelantikan guru dan kakitangan sekolah agama Islam yang ditubuhkan oleh Majlis atau Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan hendaklah masing-masing dibuat oleh Majlis atau Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

BAHAGIAN V
PENDAFTARAN SEKOLAH AGAMA ISLAM

Pendaftaran sekolah agama Islam

23. Tiap-tiap sekolah agama Islam hendaklah didaftarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Permohonan bagi pendaftaran

24. (1) Jemaah Pengurusan hendaklah memohon bagi pendaftaran sekolah agama Islam kepada Jawatankuasa mengikut cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Jawatankuasa.

(2) Tiap-tiap permohonan bagi pendaftaran hendaklah disertakan dengan—

- (a) kelulusan atau dokumen sokongan daripada pihak berkuasa tempatan bahawa premis sekolah agama Islam itu boleh digunakan sebagai suatu sekolah;
- (b) kelulusan atau dokumen sokongan daripada pihak berkuasa yang berkenaan bahawa premis sekolah agama Islam itu telah memenuhi piawaian kesihatan dan keselamatan yang ditetapkan;
- (c) butir-butir mengenai anggota Jemaah Pengurusan bagi sekolah agama Islam itu;
- (d) maklumat mengenai sumber kewangan sekolah agama Islam itu; dan
- (e) apa-apa maklumat atau dokumen lain yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa.

(3) Permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(4) Jawatankuasa hendaklah setelah menerima permohonan, mengarahkan Pendaftar memeriksa premis sekolah agama Islam itu untuk memastikan sama ada atau tidak premis itu mempunyai keperluan dan kemudahan asas yang mencukupi sebagai suatu sekolah dan Pendaftar hendaklah mengemukakan dapatannya kepada Jawatankuasa.

(5) Selepas mempertimbangkan permohonan itu, Jawatankuasa boleh—

(a) meluluskan permohonan itu, dengan atau tanpa syarat, dan mengeluarkan perakuan pendaftaran sekolah agama Islam itu kepada pemohon mengikut cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Jawatankuasa selepas fi pendaftaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual dibayar; atau

(b) menolak permohonan itu dan menyatakan alasan penolakan itu kepada pemohon secara bertulis.

(6) Mana-mana sekolah agama islam yang tidak mematuhi kaedah 23 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Dokumen atau maklumat tambahan

25. (1) Pendaftar boleh, selepas menerima suatu permohonan di bawah subkaedah 24(2), meminta pemohon untuk memberi Pendaftar, dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu, apa-apa dokumen atau maklumat tambahan mengenai permohonan itu.

(2) Jika dokumen atau maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah subkaedah (1) tidak diberikan oleh pemohon dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan atau dalam apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Pendaftar,

permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak lagi boleh diteruskan, tetapi tanpa menjejaskan hak pemohon itu untuk membuat suatu permohonan baharu.

Tempoh kesahan perakuan pendaftaran

26. Perakuan pendaftaran adalah sah bagi tempoh lima tahun dari tarikh perakuan pendaftaran itu dikeluarkan melainkan jika pendaftaran sekolah agama Islam itu dibatalkan di bawah kaedah 34 atau pentadbiran sekolah agama Islam diambil alih oleh Majlis di bawah kaedah 44.

Pembaharuan perakuan pendaftaran

27. (1) Jemaah Pengurusan boleh memohon untuk membaharui perakuan pendaftaran tidak kurang daripada tiga bulan sebelum habis tempohnya mengikut cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Jawatankuasa.

(2) Permohonan di bawah subkaedah (1) adalah tertakluk kepada apa-apa bayaran fi yang dinyatakan dalam Jadual dan hendaklah disertakan dengan dokumen dan maklumat sebagaimana yang boleh dikehendaki oleh Jawatankuasa.

(3) Selepas mempertimbangkan permohonan itu, Jawatankuasa boleh—

(a) membaharui pendaftaran, dengan atau tanpa syarat, selepas fi pembaharuan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual dibayar; atau

(b) menolak untuk membaharui pendaftaran dan menyatakan alasan penolakan itu kepada pemohon secara bertulis.

(4) Jika permohonan bagi pembaharuan itu dibuat selepas tempoh yang dinyatakan dalam subkaedah (1) tetapi sebelum tarikh habis tempoh perakuan, pemohon hendaklah membayar fi bagi pembaharuan lewat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Pempameran perakuan pendaftaran

28. (1) Jemaah Pengurusan hendaklah mempamerkan atau menyebabkan dipamerkan perakuan pendaftaran di tempat yang mudah dilihat di premis sekolah agama Islam dan hendaklah mengemukakan perakuan pendaftaran itu apabila diminta bagi pemeriksaan.

(2) Mana-mana anggota Jemaah Pengurusan yang melanggar subkaedah (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya, dan dalam hal kesalahan kedua atau yang berterusan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Penggantian perakuan pendaftaran

29. Jika perakuan pendaftaran hilang atau rosak, Jemaah Pengurusan hendaklah memohon kepada Pendaftar bagi suatu penggantian perakuan pendaftaran dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Pendaftaran berasingan bagi setiap peringkat sekolah

30. Setiap peringkat persekolahan bagi mana-mana sekolah agama Islam yang dijalankan di premis yang sama hendaklah didaftarkan secara berasingan.

Cawangan sekolah agama Islam

31. Tiap-tiap cawangan sekolah agama Islam hendaklah didaftarkan secara berasingan.

Penukaran nama, dsb.

32. (1) Nama, alamat, lokasi dan premis suatu sekolah agama Islam itu tidak boleh ditukar, dipinda atau diubah suai tanpa kebenaran bertulis Pendaftar.

(2) Suatu permohonan untuk menukar, meminda atau mengubah suai nama, alamat, lokasi atau premis sekolah agama Islam itu hendaklah dibuat oleh Jemaah Pengurusan kepada Pendaftar mengikut cara yang ditentukan oleh Pendaftar.

(3) Jika permohonan di bawah subkaedah (2) diluluskan, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran yang baharu setelah fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual dibayar.

(4) Mana-mana anggota Jemaah Pengurusan yang tidak mematuhi subkaedah (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pengiklanan sekolah agama Islam

33. (1) Tiada seorang pun boleh mengiklankan suatu sekolah agama Islam melainkan jika ia telah didaftarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subkaedah (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal kesalahan kedua atau yang berterusan, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pembatalan pendaftaran

34. (1) Jawatankuasa boleh membatalkan pendaftaran suatu sekolah agama Islam jika Jawatankuasa berpuas hati bahawa Jemaah Pengurusan—

(a) telah gagal melaksanakan mana-mana tanggungjawabnya di bawah Kaedah-Kaedah ini;

(b) telah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah oleh mana-mana mahkamah;

(c) telah melanggar mana-mana syarat yang dikenakan dalam perakuan pendaftaran; atau

(d) telah gagal mematuhi mana-mana arahan Pendaftar, Jawatankuasa atau Majlis.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(a), (c) dan (d), Jawatankuasa hendaklah, sebelum membatalkan sesuatu pendaftaran, memberi suatu notis secara bertulis kepada Jemaah Pengurusan tentang hasratnya untuk berbuat demikian dan menghendaki Jemaah Pengurusan itu melaksanakan tanggungjawabnya atau membetulkan pelanggaran itu atau mematuhi apa-apa arahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diberikan oleh Jawatankuasa.

(3) Jika selepas tamat tempoh yang disebut dalam subkaedah (2) Jemaah Pengurusan tidak melaksanakan tanggungjawab itu atau membetulkan pelanggaran itu atau mematuhi arahan itu, Jawatankuasa boleh membatalkan pendaftaran sekolah agama Islam itu melalui suatu notis bertulis yang dialamatkan dan disampaikan kepada Pengerusi Jemaah Pengurusan.

(4) Jawatankuasa boleh membatalkan pendaftaran suatu sekolah agama Islam jika ia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa sekolah agama Islam itu telah terhenti daripada beroperasi.

(5) Notis pembatalan pendaftaran yang disebut dalam subkaedah (3) hendaklah—

(a) menyatakan alasan dan tarikh kuat kuasa pembatalan itu; dan

(b) mengandungi segala arahan yang difikirkan perlu oleh Pendaftar.

(6) Pengerusi Jemaah Pengurusan hendaklah menyerahkan perakuan pendaftaran itu kepada Pendaftar dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pembatalan pendaftarannya.

(7) Pengerusi Jemaah Pengurusan yang tidak menyerahkan perakuan pendaftaran di bawah subkaedah (6) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Rayuan

35. (1) Jemaah Pengurusan yang terkilan dengan apa-apa keputusan Jawatankuasa yang dibuat di bawah perenggan 24(5)(b) atau kaedah 34 boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu diterima, merayu secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Majlis.

(2) Majlis boleh, setelah menimbangkan suatu rayuan yang dibuat di bawah subkaedah (1), mengesahkan atau mengetepikan keputusan Jawatankuasa dan keputusan Majlis adalah muktamad.

(3) Jemaah Pengurusan boleh, menurut peruntukan Kaedah-Kaedah ini, memohon untuk mendaftarkan semula sekolah agama Islam yang telah dibatalkan perakuan pendaftarannya.

BAHAGIAN VI

KEWANGAN

Akaun kewangan sekolah agama Islam

36. (1) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, tiap-tiap Jemaah Pengurusan hendaklah membuka suatu akaun kewangan yang dinamakan sebagai akaun kewangan sekolah agama Islam di mana-mana bank Islam berlesen.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), “bank Islam berlesen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*].

Garis panduan kewangan

37. Setiap kelulusan untuk memperoleh apa-apa pembekalan atau perbelanjaan hendaklah dibuat mengikut garis panduan kewangan atau apa-apa peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Audit

38. Pengerusi Jemaah Pengurusan hendaklah mengemukakan kepada Majlis akaun kewangan sekolah agama Islam yang telah diaudit jika diminta untuk berbuat demikian oleh Majlis.

BAHAGIAN VII PENGUATKUASAAN

Notis pemberhentian operasi

39. (1) Mana-mana sekolah agama Islam yang tidak berdaftar atau pendaftarannya telah dibatalkan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah ditamatkan daripada beroperasi.

(2) Sebelum menamatkan operasi sekolah agama Islam, Jawatankuasa hendaklah—

(a) mengeluarkan suatu notis secara bertulis kepada Jemaah Pengurusan atau mana-mana orang yang mengoperasikan sekolah agama Islam itu untuk memberitahu niatnya untuk berbuat demikian; dan

(b) menghendaki Jemaah Pengurusan atau mana-mana orang yang mengoperasikan sekolah agama Islam itu untuk mendaftarkan sekolah agama Islam itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis

bertulis itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Jawatankuasa.

(3) Selepas habis tempoh yang disebut dalam subkaedah (2) Jemaah Pengurusan atau orang itu gagal untuk mendaftar, sekolah agama Islam itu boleh ditamatkan operasinya melalui suatu notis bertulis oleh Jawatankuasa yang dialamatkan dan disampaikan masing-masing kepada Pengerusi Jemaah Pengurusan atau orang itu.

(4) Notis untuk menamatkan operasi yang disebut dalam subkaedah (3) hendaklah—

(a) menyatakan alasan dan tarikh kuat kuasa penamatan itu; dan

(b) mengandungi segala arahan yang difikirkan perlu oleh Pendaftar.

(5) Jemaah Pengurusan atau orang itu boleh, menurut peruntukan Kaedah-Kaedah ini, memohon untuk mendaftarkan semula sekolah agama Islam yang operasinya telah ditamatkan.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

Laporan

40. Tiap-tiap sekolah agama Islam hendaklah, tidak lewat daripada 31 Januari tiap-tiap tahun, membuat dan mengemukakan kepada Pendaftar suatu laporan aktiviti dan laporan kewangan sekolah agama Islam bagi tahun sebelumnya.

Kurikulum dan kokurikulum sekolah agama Islam

41. Semua sekolah agama Islam hendaklah menggunakan kurikulum dan kokurikulum yang disediakan oleh Jawatankuasa dan diluluskan oleh Majlis.

Penilaian

42. Sekolah agama Islam hendaklah mengadakan penilaian bagi murid-muridnya mengikut apa-apa kaedah yang diluluskan oleh Majlis.

Kuasa Majlis untuk mengeluarkan arahan

43. Majlis boleh mengeluarkan apa-apa arahan kepada Jawatankuasa, Jemaah Pengurusan, Pendaftar atau Nazir Sekolah berhubung dengan apa-apa perkara yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan Jawatankuasa, Jemaah Pengurusan, Pendaftar atau Nazir Sekolah hendaklah melaksanakan tiap-tiap arahan itu.

Pengambilalihan pentadbiran sekolah agama Islam

44. (1) Jawatankuasa atas arahan Majlis boleh, jika difikirkan perlu olehnya dan suai manfaat demi kepentingan murid atau sesuatu sekolah agama Islam itu, mengambil alih secara sementara pentadbiran sekolah agama Islam itu selama tempoh yang boleh sampai enam bulan.

(2) Selepas habis tempoh yang disebut dalam subkaedah (1), Majlis boleh—

- (a) mengambil alih pentadbiran sekolah agama Islam itu;
- (b) menamatkan operasi sekolah agama Islam itu; atau
- (c) mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu olehnya.

BAHAGIAN IX

PERALIHAN

Peralihan

45. (1) Mana-mana orang yang mengendalikan suatu sekolah agama Islam sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini hendaklah mendaftarkan sekolah agama Islam itu mengikut kaedah 23 Bahagian V Kaedah-Kaedah ini dalam masa dua belas bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Jawatankuasa.

(2) Jika Jawatankuasa tidak meluluskan permohonan yang disebut dalam subkaedah (1), orang yang mengendalikan suatu sekolah agama Islam itu hendaklah menamatkan operasi sekolah agama Islam itu.

JADUAL

[Subkaedah 24(3), perenggan 24(5)(a), subkaedah 27(2), perenggan 27(3)(a), subkaedah 27(4), kaedah 29 dan subkaedah 32(3)]

FI

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi (RM)
1.	Permohonan bagi pendaftaran	50.00
2.	Pengeluaran perakuan pendaftaran	
	(a) Prasekolah agama Islam	400.00
	(b) Sekolah rendah agama Islam	500.00
	(c) Sekolah menengah agama Islam	600.00
3.	Permohonan pembaharuan perakuan pendaftaran	50.00
4.	Pengeluaran perakuan pendaftaran baharu	
	(a) Prasekolah agama Islam	200.00
	(b) Sekolah rendah agama Islam	250.00
	(c) Sekolah menengah agama Islam	300.00
5.	Pembaharuan lewat	
	(a) Prasekolah agama Islam	300.00
	(b) Sekolah rendah agama Islam	400.00
	(c) Sekolah menengah agama Islam	500.00
6.	Permohonan untuk menggantikan perakuan pendaftaran	100.00

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi (RM)
7.	Permohonan untuk menukar, meminda atau mengubah suai nama, alamat, lokasi dan premis sekolah agama Islam	200.00

Dibuat 29 Mei 2025

[JAKIM. (S).BUU.600-1/2/1(2); PN(PU2)530/JLD.18]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR
Setiausaha Jemaah Menteri

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW (FEDERAL TERRITORIES) ACT 1993

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW (FEDERAL TERRITORIES)
(REGISTRATION AND REGULATION OF ISLAMIC RELIGIOUS SCHOOL) RULES 2025

ARRANGEMENT OF RULES

PART I

PRELIMINARY

Rule

1. Citation, application and commencement
2. Interpretation

PART II

ISLAMIC RELIGIOUS SCHOOL COMMITTEE

3. Establishment of Committee
4. Functions of Committee
5. Membership of Committee
6. Secretary
7. Revocation and resignation of office
8. Vacation of office
9. Meetings of Committee
10. Allowances

PART III

CHIEF REGISTRAR, REGISTRAR, ASSISTANT REGISTRAR AND INSPECTOR OF SCHOOLS

11. Appointment of Chief Registrar, Registrar and Assistant Registrar
12. Responsibilities of Registrar
13. Register of Islamic Religious School
14. Appointment of Inspector of Schools

Rule

15. Responsibilities of Inspector of Schools
16. Power to inspect
17. Inspection of registered Islamic religious school
18. Inspection of unregistered Islamic religious school

PART IV

ESTABLISHMENT OF BOARD OF MANAGEMENT

19. Board of Management
20. Members of Board of Management
21. Qualifications of members of Board of Management
22. Responsibilities of Board of Management

PART V

REGISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS SCHOOL

23. Registration of Islamic religious school
24. Application for registration
25. Additional document or information
26. Validity period of certificate of registration
27. Renewal of certificate of registration
28. Display of certificate of registration
29. Replacement of certificate of registration
30. Separate registration for each level of school
31. Branch of Islamic religious school
32. Change of name, etc.
